

Tajuk : Kursus kemahiran IPTA/IPTS memuaskan

2

JUMAAT • 13 April 2012 • 21 Jamadilawal 1433H •

BERITA PERDANA

Kursus kemahiran IPTA/IPTS memuaskan

SAFRI ALI

KUCHING, Khamis — Kerajaan berpuas hati dengan kursus-kursus kemahiran dalam bidang teknikal yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negeri ini.

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Datu Haji Len Talif Salleh berkata, terdapat kira-kira 83 IPTA dan IPTS yang menawarkan kursus berteraskan kemahiran teknikal dengan kejayaan melahirkan kira-kira 35,000 graduan setiap tahun.

Menurutnya, pelajar-pelajar tidak hanya terhad untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS yang ada di negeri ini, sebaliknya mereka juga boleh melanjutkan pengajian di Semenanjung Malaysia atau luar negara.

"Kerjasama antara universiti dari luar negara seperti dengan Jepun dan negara ini dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) juga dijalinan bagi perkongsian kepakaran dalam bidang pengkhususan dapat dilakukan," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian Karnival Pendidikan Mara 2012 Peringkat Negeri Sarawak di Dewan Pameran Permata di sini hari ini.

Katanya, kemasukan ramai pelajar asing ke negeri ini memberi kelebihan kepada IPTA dan IPTS untuk menawarkan lebih banyak kursus-kursus yang berteraskan kepada bidang teknikal.

"Berdasarkan kepada kursus-kursus dalam bidang teknikal yang banyak ditawarkan di IPTA dan IPTS pada masa ini saya merasa adalah tidak mustahil dapat merealisasikan sebanyak 220,000 tenaga kerja mahir dan separa mahir yang dapat memenuhi keperluan di Koridor Tenaga Yang Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) pada tahun 2015," ujarnya.

Len Talif berkata, kerjasama akan terus

dijalinan antara universiti dari luar negara dengan Semenanjung Malaysia untuk menawarkan kursus berkaitan dalam bidang teknikal dari peringkat sijil, diploma dan ijazah.

Katanya, pembukaan SCORE memberi rahmat apabila ramai pelabur yang mula menunjukkan minat untuk melabur dalam pelbagai sektor di walyah berkenaan.

"Berdasarkan senario ini kita rasa adalah perlu kita menyediakan lebih ramai pekerja yang mahir dan separa mahir untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan di SCORE nanti," jelasnya